

Rakyat tidak dipaksa bayar kos rawatan

15 JUL 1990
BH

KULIM: Kerajaan tidak pernah memaksa rakyat miskin membayar kos rawatan hospital dan klinik, walaupun golongan yang mampu diminta berbuat demikian, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan sanggup menanggung kos yang tinggi untuk memastikan mutu kesihatan rakyat sentiasa terpelihara dan akan terus meningkatkan kemudahan perubatan untuk mereka dari semasa ke semasa.

Berucap merasmikan tapak Hospital Daerah Baru Kulim di sini, semalam, beliau berkata walaupun belanja perubatan meningkat dengan banyaknya, kerajaan tidak sekali-kali mengenakan syarat kepada rakyat yang ingin mendapatkan rawatan.

"Kita sedar bahawa belanja perubatan, khasnya pembedahan, memerlukan wang yang banyak. Tetapi kerajaan tidak mahu melihat rakyat hanya mendapatkan rawatan apabila mempunyai wang yang cukup.

"Jika mereka tidak mampu membayar, kita tidak memintanya, tetapi mereka tetap dirawat seperti orang lain," katanya.

Menurutnya, kerana itulah kerajaan memberi tumpuan kepada projek mendirikan lebih banyak hospital dan klinik bagi mengatasi ketidakmampuan rakyat mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta.

Sebagai contoh, katanya, belanja pembedahan jantung di hospital kerajaan cuma kira-kira \$500, berbanding \$20,000 di hospital swasta.

"Begitupun, kerajaan tidak meminta bayaran itu jika orang yang dirawat itu tidak mampu menyediakan bayaran sebanyak itu. Kalau dia boleh membayar sedikit, itu pun sudah memadai.

"Ini adalah bantuan dan subsidi wang kerajaan untuk menyediakan rawatan kesihatan yang sempurna kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, walaupun Malaysia bukanlah sebuah negara kaya seperti Amerika Syarikat dan negara Eropah, sistem kesihatan

adalah antara yang terbaik.

Katanya, walaupun Britain mempunyai Pusat Perkhidmatan Kesihatannya sendiri, rakyat terpaksa mencarum ke dalam pusat itu bagi membolehkannya mendapatkan rawatan.

"Ini berbeza dengan rawatan percuma yang diberikan oleh kebanyakan klinik dan hospital kerajaan. Perkhidmatan percuma seperti ini bukan saja diperolehi melalui sistem perubatan, malah pendidikan dan sebagainya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebab itulah pembangkang tidak ada modal lagi untuk 'menghentam' kerajaan dan terpaksa menimbulkan pelbagai fitnah untuk menarik sokongan rakyat.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Osman Aroff; Menteri Pengerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Pendidikan, Encik Ng Cheng Kiat; Ahli Parlimen Kulim, Datuk Kadir Sheikh Fadzir dan wakil rakyat.